





KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK 2015

Pelestarian Warisan Melayu Mencetus Penambahan Ilmu

4 NOVEMBER 2015
AL-BIRUNI, UiTM CAW. PAHANG

**UiTM Sentiasa
Di  Ku**



Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan: Warisan Persuratan Melayu Negeri Perak

Suria Fadhillah Md Pauzi^{1*}, Azniza Ahmad Zaini², Mohd Azmi Nias Ahmad³

¹Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
suriapauzi@pahang.uitm.edu.my

²Faculty of Business Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
nizazaini@pahang.uitm.edu.my

³Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
azminias@gmail.com

*Penulis Rujukan

Abstrak: Undang-undang adat Melayu telah lama wujud dan diwarisi sejak zaman-berzaman dan menjadi asas peraturan dan norma penduduk setempat. Undang-undang Adat adalah senarai peraturan yang disusun berasaskan adat istiadat, nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup zaman Kesultanan Melayu. Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan dipercayai diasaskan penulisannya oleh Sayid Hussain al-Faradz yang telah datang ke Perak dari Hadramaut pada abad ke-17. Ia telah diamalkan di Perak sehingga ke tahun 1900 dan dikatakan telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan al-Marhum Sultan Idris Murshidul A'azam Shah ibni al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar iaitu sekitar tahun 1887 sehingga tahun 1916. Ia dikenali sebagai Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan kerana mengandungi 99 Perkara undang-undang yang merangkumi pelbagai aspek. Artikel ini akan mengulas serba sedikit sejarah pemerintahan beraja Perak dan isi kandungan undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak agar ia dapat dijadikan panduan dan simbol peradaban dan ketuanan Melayu satu ketika dahulu.

Kata Kunci: Undang-undang adat Melayu, Pemerintahan Beraja Perak, Warisan persuratan

1. Pengenalan

Perak dan Sejarah Persuratan Melayu

Perak, sebuah negeri berdaulat, berasal dari Kesultanan Melaka mempunyai susur galur warisan sejarah yang penuh kegemilangan. Menurut Hikayat Merong Mahawangsa, nama Negeri Perak dikatakan berasal daripada anak panah perak milik putera Raja Merong Mahapudisat. Dikhabarkan putera ini mencari tempat yang baru bagi dibina sebuah negeri. Baginda telah memanah ke udara dengan menggunakan anak panah daripada perak sebaik tiba di sebuah kawasan bertasik. Anak panah daripada busur yang bernama Indera Sakti itu kemudiannya jatuh di sebuah pulau lalu pulau tersebut diberi nama Pulau Indera Sakti. Pulau itu kemudiannya dijadikan pusat negeri baru yang diberi nama negeri Perak (Salleh, 1991). Di samping itu ada hikayat yang menceritakan nama negeri Perak terbit semasa Megat Terawis sedang mudik di sebatang sungai, beliau terlihat seekor ikan haruan yang amat besar dengan anak-anaknya, sehingga air sungai menjadi keruh putih berkilat laksana perak. Sungai itu dinamakan oleh Megat Terawis sebagai Sungai Perak (Harun, 2011).

Ada juga menceritakan nama negeri Perak berasal daripada nama Bendahara Tun Perak yang cukup terkenal semasa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka satu ketika dahulu (Harun, 2011a,b). Sebagai sebuah kesultanan yang berasal daripada Kesultanan Melaka, tidak hairanlah aturan hidup, peraturan, undang-undang dan adat istiadat juga hampir menyamai seperti apa yang diamalkan oleh raja-raja Melaka. Menurut Ahmad (1996) di dalam Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu, peraturan-peraturan masyarakat Melayu Lama bermula dengan

peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Demang Lebar Daun, penghulu bagi masyarakat Melayu di Palembang, sewaktu beliau mahu mengahwinkan anaknya dengan Seri Teri Buana, anak Raja Suran yang muncul di Bukit Si Guntang.

Menurut sumber dari laman sesawang Jabatan Warisan Negara (2015), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, mana-mana hasil sastera Melayu tradisional yang menggunakan tulisan tangan samada dalam tulisan Jawi ataupun Rumi serta menggunakan bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu dan kain yang isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas dikategorikan sebagai manuskrip Melayu. Istana pada zaman Kesultanan Melayu Lama berperanan sebagai pusat kegiatan penulisan bagi para penulis yang berkhidmat di bawah lembayung Sultan. Selepas kedatangan Islam, penghasilan manuskrip bermula dengan pesatnya selepas masyarakat Melayu menerima tulisan Jawi sebagai tulisannya. Ianya menunjukkan zaman perkembangan manuskrip Melayu telah bermula selepas kedatangan Islam hingga ke akhir abad ke-19. Sejarah turut menyatakan bahawa apabila orang-orang Barat tiba di rantau Asia Tenggara pada ketika itu, mereka mendapati bahawa bahasa perhubungan luas antara pelbagai suku kaum, etnik, dan pusat-pusat kerajaan samada dalam perhubungan perdagangan ataupun dokumen rasmi dan juga persuratan, ialah Bahasa Melayu. Ianya telah menjadikan rantau ini secara keseluruhan terkenal sebagai Kepulauan Melayu atau *the Malay Archipelago*.

Tambahan pula, ribuan manuskrip lama bertulisan Melayu-jawi yang berada dalam simpanan institusi dalam dan luar negara turut membuktikan kepentingan dan kedudukan utama Bahasa Melayu sejak sekian lama di rantau ini (Musa, Rodi & Muhammad, 2014). Penyalinan manuskrip Melayu turut giat dilakukan oleh pegawai Inggeris apabila mereka datang menjajah di Tanah Melayu sekitar abad ke-19. Nama-nama seperti Frank Swettenham, W.E. Maxwell, R.O Winsteadt dan R.J. Wilkinson tidak asing lagi di dalam dunia persuratan Melayu kerana mereka adalah di antara yang memulakan penulisan terhadap sejarah dan sosio budaya masyarakat Melayu, terutamanya di negeri Perak.

Terdapat beberapa penyalin manuskrip Melayu yang terkenal berasal dari Perak. Luakang bin Muhammad Arshad misalnya adalah anak kelahiran Kota Lama Kiri di Perak dan beliau telah berjaya menyalin beberapa manuskrip agung, antaranya adalah *Cerita Raja Nushirwan Adil*, *Undang-undang Melaka*, *Undang-undang Laut Melaka* dan *Risalat Hukum Kanun Pahang* (Harun, 2011). Begitu juga dengan Uda Muhammad Hashim, pengarang naskhah *Mantra Gajah* dan penyalin naskhah *Salasilah Kerajaan Negeri Perak* yang tinggal di Perak iaitu di Larut, Taiping (Harun, 2011a,b). Mir atau Meor Hassan pula merupakan penutur cerita lipur lara yang berasal dari Kampar, Perak. Antara karya agung beliau adalah *Hikayat Seri Rama* yang bertarikh 1886. Manuskrip beliau kini berada di Royal Asiatic Society, London (Harun, 2011a,b). Raja Haji Yahya bin Raja Muhammad Ali pula adalah seorang Penghulu yang berkhidmat di Mukim Kota Setia, Perak yang merupakan pengarang *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandar* pada tahun 1908 dan karya itu kini disimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

2. Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak: Lambang Keagungan Persuratan Melayu

Sejarah kedatangan Islam ke seluruh alam Melayu telah mengubah corak pemerintahan beraja dan sistem perundangan Kerajaan Melayu Lama daripada pautan pada Hindu kepada Islam. Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak terbit kesan daripada kedatangan Islam ke Tanah Melayu lama. Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak merupakan salah sebuah karya agung selain yang menjadi aras kebesaran penulisan manuskrip Melayu. Menurut Winsteadt (1934) undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Melaka merupakan sebuah naskhah undang-undang yang cukup menarik, dipercayai diperkenalkan oleh Sayid Hussain Al-Faradz yang telah datang ke Perak dari Handramaut pada abad ke-17. Beliau telah datang ke Perak pada zaman pemerintahan Sultan Perak ke-11, iaitu sultan Mahmud Iskandar Shah (1653-1720).

Sayid Abu Bakar, salah seorang Keturunan beliau pernah berkhidmat sebagai Bendahara dan Menteri pada zaman pemerintahan Sultan Perak yang ke-15 iaitu Sultan Iskandar Zulkarnain (Nasir, 1977).

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak seperti mana namanya mengandungi 99 perkara berhubung dengan persoalan undang-undang. Keunikan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak boleh dilihat melalui struktur penulisannya yang berbentuk soal-jawab antara Raja Nasarwan Adil atau lebih dikenali dengan nama Anushivan dengan seorang Perdana Menteri. Huraian undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini cukup menarik kerana ia telah lari daripada huraian undang-undang yang biasa ditemui di dalam persuratan Melayu lama. Raja Anushivan terkenal dengan gelaran "*Anushivan the Just*" merupakan raja dari Dinasti Sasanian, hidup pada zaman Parsi purba antara tahun 513-579. Baginda terkenal dengan sifat keadilannya dan di zaman pemerintahan baginda, negara baginda telah mencapai tahap kegemilangan seperti pembinaan tali air untuk kemudahan rakyat dan pembinaan istana Taq-I Kisra.

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak terdiri daripada Sembilan puluh Sembilan fahasarat iaitu undang-undang orang mengadu, undang-undang berlukaan, undang-undang orang membunuh orang, undang-undang orang kafir, undang-undang orang perempuan tiada tentu bapanya, undang-undang orang mengambil perempuan orang, undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya, undang-undang perkataan sahaja, undang-undang belanja orang berkahwin, undang-undang abdi orang, undang-undang orang jadi raja, undang-undang orang jadi pegawai memerintah di dalam mukim, undang-undang kampung atau dusun, undang-undang orang menghidupi binatang jinak, undang-undang tanaman dibunuh oleh orang, undang-undang hamba atau kawan, undang-undang orang hutang-piutang, undang-undang orang datang mengadu, undang-undang orang menumpang rumah orang, undang-undang orang berjalan sama-sama, undang-undang orang sama sekampung berdakwa, undang-undang orang besar-besar, undang-undang orang membunuh sama-sama Islam, Undang-undang orang mengadap raja, undang-undang orang menjadi hakim, undang-undang orang membawa kiriman orang, undang-undang upah ubat orang sakit, undang-undang orang membela hantu, undang-undang orang membela kampung, undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya, undang-undang orang berbahagi harta, undang-undang orang berbahagi harta, undang-undang orang pendakwaan ke mana-mana, undang-undang orang berbahagi harta pesaka, undang-undang orang mati tiada beranak dan berharta, undang-undang orang muda belum nikah lagi, undang-undang abdi orang, undang-undang orang bunting tiada tentu bapanya, undang-undang orang bunting dahulu kemudiaan nikah, undang-undang nafkah orang cerai, undang-undang orang di dalam kampung, undang-undang perempuan hendak cerai tiada dengan salah suaminya, undang-undang menghidup binatang merosakkan tanaman orang, undang-undang orang membuka tanah air, undang-undang orang berladang padi dimasuk oleh hidupan orang, undang-undang orang menghidupi singa, undang-undang orang-orang berjual beli kerbau atau kambing, undang-undang orang menghidupi ayam, undang-undang masuk ke negeri orang yang sudah bersuami, undang-undang orang berzina perempuan, undang-undang orang dagang masuk kampung orang, undang-undang orang berbunuh-bunuhan, undang-undang orang berbahagi harta fasal cerai, undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai, undang-undang orang kaya, undang-undang pembunuhan, undang-undang nikah dua kali, undang-undang orang pegawai masjid, undang-undang orang jadi pawing, undang-undang orang jadi bidan, undang-undang orang menaruh anak perempuan bujang, undang-undang orang menaruh anak laki-laki bujang, undang-undang orang menaruh ilmu, undang-undang orang mencari ilmu, undang-undang orang baharu lepas nikah, undang-undang orang beristeri, undang-undang orang yang mengambil perempuan orang, undang-undang orang mengambil tunangan orang, undang-undang orang menghidupi anjing, undang-undang orang menghidupi gajah, undang-undang orang menghidupi kerbau, undang-undang orang di dalam dunia akal yang sempurna, undang-undang orang berdakwa, undang-undang orang perang, undang-undang orang perempuan sudah berlaki dapat anak kemudian cerai, undang-undang orang dagang mati banyak hartanya, undang-undang orang di dalam satu negeri mati rajanya, undang-undang orang

hendak menjadikan orang besar-besar, undang-undang orang jadi qadhi, undang-undang orang jadi pawing di dalam mukim, undang-undang orang cerai idah di dalam tiga bulan sepuluh hari, undang-undang orang cerai ada anaknya, undang-undang orang sesusu nikah, undang-undang orang nikah dengan perempuan, undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki, undang-undang orang yang mengambil perempuan orang, undang-undang orang menumpang perahu, undang-undang orang menumpangkan barang, undang-undang orang menyewa rumah atau kedai, undang-undang orang sewa unta atau lainnnya, undang-undang orang mati atau lain-lain bicara, undang-undang orang menjadi raja, undang-undang orang jadi orang besar, undang-undang orang menyewa rumah atau kedai, undang-undang orang sewa unta atau lainnnya, undang-undang orang mati atau lain-lain bicara, undang-undang orang menjadi raja, undang-undang orang jadi orang besar, undang-undang orang mengambil upah orang sakit, undang-undang orang kena bunuh ubat banyak upahnya, undang-undang orang mandi balai, undang-undang-undang orang banyak duduk di majlis, undang-undang orang menjadi penghulu suatu tempat dan undang-undang raja-raja dengan orang besar-besar dan rakyat dan rakyat dengan orang besarnya (Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak (SP 48/2007/0052706), 2007).

Menurut Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, ia berasal daripada Raa Nasarwan Adil, anak Raja Qubat Shahyar, di negeri Madyan, Raja Masyrik Maghrib. Kepala menteri-menterinya adalah Khoja Berza Amir al-Hakim, anak Perdana Menteri Khoja Bahatik' Amal. Keunikan Undang-undang ini bukan sahaja dilihat daripada huraian undang-undangnya dalam bentuk soal jawab antara Raja dan Menteri, keunikannya juga boleh dilihat daripada sudut persoalan undang-undang yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Antara lain, undang-undang ini memberi panduan kepada hakim dalam membuat sesuatu keputusan pengadilan dan mencadangkan beberapa kaedah penyiasatan yang perlu dilakukan bagi mencapai keputusan yang adil dan saksama. Contoh boleh dilihat di dalam Fasal 21 Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang menyebut berkenaan undang-undang orang sama sekampung berdakwa iaitu; "Maka sembah [Menteri],"Jika dapat pendakwaan sebab kelakuan atau sebab kata-kata mulutnya sahaja, tiadalah boleh dihukumkan dengan emas, mahulah beri tegah sahaja dahulu. Jikalau dibuatnya juga lain-lain kali, bolehlah dia diadatkan [yang] betul adanya".

Fasal 22 pula menerangkan berkenaan dengan Undang-undang Orang Besar-besar tatkala datang orang membawa aduan. Antara lain ia menyebut; "Maka sembah Menteri,"Ya tuanku Syah Alam, mahulah dicari fikiran dahulu yang sempurna kerana di atas barang yang disebutkan itu ada baiknya da nada jahatnya. Pertama-tama diperiksa, yang keduanya diselidiki, yang ketiganya diungkit orang itu, keempat dimarah, yang kelima dipujuk, keenam ditipu dahulu, ketujuh diterangkan kebaikan di hatinya, kemudian baharulah dilawan berkata-kata. Dan mahulah ingat akan Allah taala apa-apa diri kita baharulah pandang ke muka seteru itu, kerana mana-mana hakim itu seteru kepada orang sekalian adanya".

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak juga memberi panduan kepada Raja dalam mentadbir sesuatu negeri. Raja dipandang tinggi sekiranya Baginda mempunyai ciri keperibadian yang mulia seperti yang digariskan oleh Fasal 92. Ia menyebut,"Undang-undang orang menjadi Raja di dalam negeri itu, apa-apa yang menjadi aman kepada negeri itu?Maka sembah Menteri,"Ya tuanku Syah Alam, pertama-tama adil hukumnya, yang kedua murah makan di dalam negeri itu, maka jadi amanlah negeri itu." Pembesar-pembesar Istana juga turut disarankan supaya menjaga hubungan dan menghormati Raja, di samping pada masa yang sama memelihara kebajikan orang yang diperintah. Saranan ini boleh dilihat dalam Fasal 93 yang menyebut,"Undang-undang orang jadi orang besar di dalam negeri itu hendaklah adatnya pertama-tama orang besar itu memelihara di atas rajanya, yang kedua memelihara di atas rakyatnya, maka amanlah negeri itu". Ciri-ciri keperibadian pembesar sebelum dilantik menjadi Orang Besar Negeri turut digariskan di dalam undang-undang ini. Fasal 78 menyatakan,"Maka sembah Menteri,"Pertama-tama, ambil daripada bangsanya, yang kedua saka, yang ketiga baka,

yang keempat tua umurnya, jikalau ada yang empat perkara itu bolehlah ia dijadikan, nescaya mendapat aman di dalam negeri atau mukim itu, dapat baik juga kepada rakyatnya.”

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak turut menerangkan berkenaan persoalan perkahwinan dan penceraian seperti yang termaktub di dalam Fasal 9, 38 dan 41. Fasal 9 Menyebut, “Maka titah Raja Nasarwan Adil,” Berapa banyak belanja tubuh perempuan itu? Maka sembah Menteri, Sekalian daripada anak Adam tiada lebih daripada setahil sepaha emas. Maka timbangannya itu tiadalah lain daripada itu. Jikalau sekiranya bangsa raja lain daripada itu, iaitu sepuluh paha emas. Dan jika bangsa Bani Hashim, lima tahlil emas, kerana diambil martabatnya dilebihkan di dalam dunia. Dan bangsa Hasyim yang perempuan tiada boleh kahwin mereka-mereka anak Adam, melainkan jika ditebus bangsanya mereka itu, iaitu lima paha emas, baharulah boleh kahwin. Akan tetapi emas itu hendaklah disedekahkan setahil sepaha emas, baharulah lepas adanya”. Fasal 38 menerangkan berkenaan dengan undang-undang orang bunting dahulu kemudian nikahnya, dan tatkala sudah nikah itu lalulah cerai. Ia menyebut, “Maka sembah Menteri,” Boleh juga cerai, tetapinya apabila beranak itu mahulah pelihara empat puluh empat hari oleh bapanya itu. Dan jika anaknya itu mati, di dalam tujuh hari sahaja dipelihara di atas perempuan itu, upah bidan atau lain-lainnya kena bayar oleh lakinya itu adanya”.

Fasal 41 pula menerangkan berkenaan dengan undang-undang perempuan hendak cerai tiadalah dengan kesalahan suaminya satu pun. Fasal 41 menyebut, “Maka sembah Menteri,” Tiadalah dapat perempuan itu hendak cerai, boleh dibuang ke dalam hutan tujuh hari dengan seorang dirinya, jikalau sudah balik pula dikelilingkan kepada masjid supaya kepada orang yang di dalam mukim itu, bolehlah ia ingatkan dirinya masing-masing adanya”.

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak turut memberi penekanan terhadap persoalan pemilikan tanah, sama ada ia berkaitan dengan tanah mati atau tanah hidup. Fasal 13 misalnya menerangkan berkenaan dengan undang-undang kampung atau dusun yang sudah ditinggalkan atau terbiar. Antara lain Fasal 13 menyebut, “Maka sembah Menteri,” jikalau yang empunya tanam-tanaman itu sudah mati, barang siapa-siapa yang lalu lalang kepada tempat itu bolehlah dimakan oleh mereka itu akan buahnya, tiada dengan harga di atas buah-buahan yang telah dimakannya itu antara lalu pada tempat itu sahaja. Dan jika hidup tuan dusun itu, orang yang asing pula diam di situ, bolehlah bersama-sama makan buahnya itu, yang empunya ia dan orang yang menumpang itu. Jika dusun yang sudah tinggal, barang siapa orang yang duduk dekat serta menolong peliharakan tanam-tanaman itu, bolehlah berbahagi dua dengan tuannya itu. Tetapi tatkala datang tuan yang punya tanah itu hendak mengambil buahnya, mahulah bersama-sama juga memberi khabar kepada orang yang diam atau menunggu dusun itu. Jika diambil sahaja dengan tiada berkhobar nescaya salah mereka itu, dan didenda sepaha emas. Dan jika sekiranya sudah mati pula yang empunya cucuk tanaman kampung atau dusun itu, maka bahagian itu pulang kepada anaknya yang perempuan, kerana yang tinggal itu adatnya menjadi harta Raja dan Penghulu empunya milik adanya”.

Selain permasalahan pemilikan tanah, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak turut menekankan peraturan berkenaan dengan undang-undang jenayah dan hukuman setimpal yang dijadikan panduan oleh hakim dalam menjatuhkan hukuman. Fasal 2 misalnya membicarakan berkenaan undang-undang orang berlukaan. Fasal ini menyatakan, “Jika luka itu diatas pusat, kena dia setahil emas. Adapun di dalam setahil emas paha, di dalam sepaha emas itu harganya \$5 Perak, jadi setahil sepaha emas itu harganya \$25. Jika lukanya di bawah pusat, kena dia sepaha emas. Jika luka berdarah sedikit-sedikit dengan berputih hati, kena sehelai kain putih.” Bagi hukuman yang dikenakan untuk orang membunuh orang, Fasal 3 menyatakan “Orang yang membunuh itu dibunuh juga. Akan tetapi jika sama orang Islam, apabila sampai kepada hakim, tiada boleh dibunuh, hanya dihukum lima tahlil emas sahaja dan kena kendurinya kerbau atau kambing putih atau unta putih supaya lepas.” Disamping itu, undang-undang ini turut menyentuh persoalan moral dan tatasusila dan tatacara masyarakat setempat. Fasal 18 misalnya menerangkan berkenaan apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat orang datang mengadu berkenaan sesak hutang. Fasal ini antara lain menyebut, “Pertama-tama tolong dirham, jika tiada duit tolong dengan akal, jika tiada akal

tolong dengan bicara kira-kira disuruhkan. Jika tiada tolong kudrat dengan kerja, salah suatu jangan tidak di atas orang yang sesak itu”. Fasal 26 pula menyebut berkenaan dengan hukuman yang patut diberikan sekiranya orang yang membawa kiriman orang, namun beliau tidak menyampaikannya seperti yang diamanahkan. Fasal ini menyatakan “Barang itu gantikan serta pula kena denda dua puluh dinar. Jika sebab suatu-suatu aralnya tiada disampaikan, jika barang-barang makanan diganti bahagi dua, jika bukan barang-barang makanan diganti semuanya, tiadalah salah mereka itu adanya”.

Undang-undang ini turut memberi saranan kepada suami dalam menjaga keharmonian rumahtangga. Fasal 66 menyatakan dengan jelas, “Ya tuanku, yang kehendaknya pertama-tama, jikalau badan perempuannya itu dapat sakit mahulah diubatkan, dan yang keduanya keberatannya pula, yang ketiganya di atas makan minum dan pakainya mana-mana kadarnya, yang keempat hendaklah rumah tempat duduknya, dan yang kelimanya ia hendak bertanam-tanam jalannya membuat hal kehidupan. Jikalau sebab itu ia marahkan suaminya jangan dilawan oleh suaminya. Jikalau kehendak yang lain-lain daripada itu sekali-kali jangan diikutkan oleh suaminya. Apa-apa perkataan janganlah didengarkan dan apa-apa rahsia janganlah dikhabarkan kepadanya, kerana perempuan itu seperti menaruh musuh di dalam selimut. Dan pula jangan dicemburukan, tiada cemburu pun tiadalah juga boleh jadi. Dan tempat makan atau tempat tidur janganlah diberi laki-laki lain duduk atau tidur, tiadalah baik. Dan lagi janganlah percayakan sama-sama seorang laki-laki dengan perempuan, kerana laki-laki dengan perempuan itu seperti matahari dengan bulan, laksana kucing dengan tikus, umpama kucing dengan panggang, tiadalah boleh didekat-dekatkan sangat. Dan jikalau perempuan jika sudah berjahat dengan lain-lain orang, hukumnya pertama-tama diceraikan, yang kedua dibunuh, yang ketiganya ditinggalkan pergi dari negeri itu, yang keempatnya dinikahkan. Maka empat perkara itu dikerjakan salah satu atau laki-laki lemah dinamakan dunia akhirat, lepas daripada dayus kerana orang yang dewasa tiadalah masuk syurga sekali-kali adanya.

3. Kesimpulan

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak merupakan sebuah manuskrip yang tidak ternilai harganya. Ia menjadi bukti keagungan persuratan melayu dan lambang kewujudan sistem perundangan di negeri Perak. Naskhah ini menjadi tinggalan warisan bangsa yang berperanan sebagai simbol kemegahan dan ketamadunan bangsa. Melalui naskhah ini, dapatlah disimpulkan bahawa Raja berperanan sebagai tiang seri yang teguh menerajui negeri, namun sedia menerima nasihat atau pandangan daripada orang yang bijak pandai, manakala pembesar menjadi pemangkin kesejahteraan negeri dan penghubung antara rakyat jelata dan Raja. Kepimpinan dan ketuanan melayu yang cukup terserlah daripada naskhah ini menjadi lambang kemegahan bangsa yang perlu dicontohi oleh generasi muda masakini.

Dari satu sudut, Undang-undang sembilan Puluh Sembilan Perak dapat memberi gambaran jelas bahawa untuk memakmurkan sesuatu masyarakat, satu sistem perundangan yang bertulis dan sistematik perlu wujud dan dilaksanakan dengan adil dan saksama.

4. Rujukan

- Ahmad, S. (1996). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, J. (2011). *Umpama Sebuah Bahtera: Kajian Naskhah Melayu Dalam Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara. (2015). Retrieved from <http://www.heritage.gov.my/>
- Musa, H., Rodi, R. C., & Muhammad, S. J. N. (2014). Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(2), 3-19.
- Nasir, A. H. (1977). *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.

- Salleh, S. H. H. (1991). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak (SP 48/2007/0052706)*. (2007). Arkib Negara.
- Winstedt, R. O. (1934). A History Of Perak. *Journal of the Malayan Branch*, 12 (1).